

08 NOV 1997

Muhyiddin-Kajian

PELAN INDUK INFRASTRUKTUR SUKAN DIJANGKA SIAP JUN DEPAN

MENTAKAB, 8 Nov (Bernama) -- Kajian mengenai Pelan Induk Infrastruktur Sukan Negara dijangka dapat disiapkan Jun tahun depan, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Kajian itu dijalankan dengan kerjasama sebuah badan perunding dari Jerman yang mempunyai kepakaran dalam penyediaan prasarana sukan.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Untuk Semua di sini, beliau berkata kajian menyeluruh itu penting bagi menentukan bandar dan kampung mendapat kemudahan sukan yang diperlukan.

Ini berbeza dengan cara yang dilakukan sekarang dengan sesetengah tempat mendapat kemudahan yang berlebihan, manakala tempat lain pula tidak mempunyai kemudahan sukan yang diperlukan.

Beliau berkata kajian itu turut merangkumi kesemua keperluan sukan berdasarkan data yang disediakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri-negeri, yang dikemukakan kepada kementerian berkenaan.

Muhyiddin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Sukan Komanwel 18 Nov ini, yang dijangka turut disertai oleh 16 anggota jawatankuasa yang terbabit dengan penganjuran sukan itu.

Semasa berucap, beliau menyeru pelbagai agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan belia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pertubuhan sukan peringkat mukim dan daerah agar menggalakkan perkembangan sukan, selaras dengan peningkatan kesedaran masyarakat untuk bergiat cergas dalam aktiviti sukan.

Ini bagi meningkatkan bilangan penyertaan rakyat dalam kegiatan sukan yang pada masa ini dianggarkan hanya berjumlah 15 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan penduduk negara ini, katanya.

Karnival sukan itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Belia Perangsang dan JKKK Sanggang, Temerloh. -- BERNAMA

ZY RI